

## *Pengajaran Karangan Ekspositori Mengikut Sistem Gestalt-TPACK*

**Muhammad Jailani Abu Talib**

muhammad\_jailani\_abu\_talib@moe.edu.sg

**Siti Raihana Hussaini**

siti\_raihana\_hussaini@moe.edu.sg

Sekolah Menengah Bukit View

### *Abstrak*

Penulisan ekspositori merupakan kemahiran yang hanya didedahkan kepada para pelajar tatkala menjejak sekolah menengah. Berbeza dengan pembelajaran kemahiran yang sama dalam mata pelajaran bahasa Inggeris, pelajar harus berupaya untuk menggubal wacana yang koheren daripada peringkat awal lagi. Lantaran itu, para pelajar mempunyai masa yang terhad dalam menyesuaikan diri dengan tuntutan akademik di peringkat menengah. Kertas kerja ini membincangkan kaedah pengajaran penulisan ekspositori dengan penggunaan teknologi komputer sebagai peranti utama. Menerusi penerapan teori Psikologi Gestalt Koffka dan *Technological Pedagogical Content Knowledge* (TPACK), pengkaji membangunkan sistem melalui penggunaan 'Google Site' bagi mendekati golongan pelajar abad ke-21. Daripada penelitian yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa para pelajar berjaya menghasilkan wacana yang lebih teratur dan berkesan. Kertas kajian ini menjelaskan hubungan simbiotik antara guru, murid dan ilmu yang diajarkan serta menggariskan langkah-langkah yang dapat diambil bagi merencanakan pembelajaran penulisan ekspositori dalam kelas bahasa Melayu.

Kata Kunci: penulisan ekspositori, penggunaan teknologi komputer, pelajar abad ke-21, menghasilkan wacana, hubungan simbiotik



## PENGENALAN

Pemikiran kritis serta keupayaan untuk membangunkan hujah yang berkesan merupakan dua aspek penting yang diperlukan dalam memastikan penakatan seseorang dalam persekitaran yang semakin mencabar. Perkara tersebut merupakan kemahiran yang dituntut dalam menghadapi alaf ke-21. Atas dasar tersebut, Kementerian Pendidikan Singapura meletakkan pemikiran kritis dan inventif sebagai kemahiran abad ke-21 yang perlu diterapkan dalam sistem pembelajaran di Singapura. Jelasnya, persekitaran digital masa kini melahirkan tantangan baharu bagi masyarakat setempat. Khususnya dalam bidang pembelajaran, penjana daya pemikiran kritis memerlukan pembangunan sistem yang terancang bagi melatih tubi fakulti pemikiran para pelajar. Sekalipun demikian, khususnya bagi para pelajar yang terpaksa merentas jurang besar tatkala melangkah masuk ke peringkat menengah dari sekolah rendah. Perkara tersebut mencabar daya pengajaran guru-guru untuk memikirkan kaedah yang sesuai untuk mendekati para pelajar ini. Jelasnya, tanpa keupayaan untuk berfikir secara sistematik dan terancang, kecemerlangan para pelajar terhambat, khususnya bagi kemahiran penulisan e-mel, karangan ekspositori dan bahasa Melayu lisan.

Teori Psikologi Gestalt membentangkan landasan bagi mendekati materi pembelajaran serta psikologi para pelajar sendiri. Berbeza dengan pendekatan strukturalisme, psikologi Gestalt memberikan ruang kelonggaran bagi menyesuaikan mata pelajaran dengan keadaan konteks dan daya pemikiran para pelajar. Di samping itu, sistem Ilmu Pengisian dan Pedagogikal Teknologikal (TPACK) menyediakan pelantar bagi memahami dan menjelaskan jenis-jenis ilmu yang diperlukan guru bagi penerapan pedagogikal yang berkesan dalam persekitaran pembelajaran yang berbantuan teknologi.

## TUJUAN KAJIAN

Objektif kajian yang diselenggarakan adalah untuk:

1. mengenal pasti kaedah khusus bagi mendekati para pelajar natif digital dengan tujuan membina daya pemikiran yang kritis dan tersusun; dan
2. mengenal pasti kaedah khusus bagi menghubungkaitkan pelajaran dengan persekitaran realistik.



## PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini telah diusahakan atas keprihatinan akan jurang yang terpaksa direntasi khususnya para pelajar yang baharu melangkah ke peringkat sekolah menengah. Para pelajar ini terpaksa berhadapan dengan kesukaran yang lebih mencabar bagi subjek bahasa Melayu. Bertolak daripada sukatan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah rendah yang “...bertujuan membina literasi murid dalam berbahasa (*Ministry of Education*, 2008)...”, sukatan pembelajaran pada peringkat sekolah menengah menuntut para pelajar untuk “...memperkuhkan kemahiran dan keterampilan berbahasa (*Ministry of Education*, 2011)...” mereka. Lantaran itu, fokus dan tuntutan pembelajaran berbeza berbanding sewaktu di sekolah rendah. Menyedari hal tersebut, pengkaji telah memfokuskan penelitian terhadap pembelajaran karangan ekspositori dan telah menyelaraskan usaha tersebut pada peringkat menengah dua. Bagi tujuan kajian, penelitian telah dijalankan ke atas dua buah kelas; pertama, sebuah kelas menengah Ekspres dan kedua, sebuah kelas menengah Normal Akademik. Perbincangan akan dibataskan terhadap dapatan daripada kelas yang dikendalikan bagi peringkat Menengah 2 Ekspres yang telah dijalankan sekitar dua bulan, yakni dari Februari ke April 2015.

## KAJIAN LEPAS

### Konsep

Teori psikologi Gestalt menjadi strategi asas yang digunakan bagi mendekati para pelajar. Seiring itu juga, teori TPACK turut digunakan bersesuaian dengan persekitaran dan tahap kematangan para pelajar sekolah menengah Singapura yakni pada usia 12-15 yang telah sedia terdedah kepada penggunaan komputer sejak di peringkat sekolah rendah.

### Teori Psikologi Gestalt

Teori Psikologi Gestalt dibina atas premis bahawa setiap entiti ataupun gestalt mempunyai struktur organisasi yang jelas. Kohler (1929, p. 192) mengagaskan gestalt sebagai “*the meaning of a concrete individual and characteristic entity, existing as something detached and having a shape or form as one of its attributes*”. Dalam erti kata lain, setiap elemen yang membuahkan makna



yang berkesan pada diri manusia sebenarnya merupakan produk struktur yang jelas. Perkara tersebut dapat difahami sebagai rukun gestalt. Menerusi pemahaman prinsip penstrukturan di sebalik sebuah perkara serta hubungan antara elemen-elemen yang hadir di dalamnya, perkara yang dirujuk menjadi lebih mudah untuk dihadam para pelajar.

Dalam konteks pembelajaran, teori psikologi Gestalt mengakuri hubungan antara pelajar, materi pembelajaran, persekitaran, guru dan pemarah. Ringkasnya, teori Gestalt mengambil kira kerumitan yang hadir dalam sebuah hasil karya pelajar. Menurut Koffka (2013, p. 680):


*“The province of the world which we mapped out for our investigation was the province of behaviour in all its form and aspects. Behaviour, we found, is always behaviour in an environment. This proposition led to the fundamental distinction between the geographical and the behavioural environments and thus to the problem of the relation between them.”*

Gestalt merupakan keharmonian antara pelbagai elemen yang saling berhubungan sesama sendiri. Sehubungan itu, Koffka mengagaskan bahawa demi memahami sebuah hasil karya, setiap elemen yang mendasari karya tersebut harus difahami secara tuntas dan menyeluruh. Sehubungan itu, dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, khususnya dalam konteks pembelajaran penulisan karangan ekspositori, murid-murid harus memahami permasalahan pokok yang mendasari soalan serta respons yang wajar bagi menangani karangan tersebut.


Dalam erti kata lain, mereka harus memahami kehendak soalan secara tuntas sebelum menjawab soalan tersebut. Hal tersebut menunjukkan bahawa teknik yang lazimnya digunakan oleh guru-guru sekolah rendah, yakni dengan memberikan senarai kata-kata indah tidak begitu efektif dalam menangani permasalahan dalam penulisan, yakni untuk menjawab wacana soalan yang diberikannya. Dalam erti kata lain, sekalipun teknik tersebut berkesan dalam membantu para pelajar untuk lulus dalam peperiksaan akhir tahun pada peringkat sekolah rendah, teknik yang sama tidak semestinya menambah nilai terhadap corak pembelajaran di sekolah menengah yang bersifat lebih pragmatik.



Menariknya, perkara tersebut turut telah dibincangkan secara terperinci oleh Max Wertheimer (1959), pengasas teori Gestalt. Mengulas pengalaman yang dilaluinya, Wertheimer menceritakan tentang penelitiannya terhadap seorang guru yang telah melukiskan rajah paralelogram sebelum mengongsikan formula mencari bidang (area) rajah tersebut, yakni bidang =  $(x)(y)$ .




Walau bagaimanapun, sedangkan Wertheimer meneliti bahawa setiap murid-murid dalam kelas tersebut berjaya untuk mencari bidang bagi beberapa rajah yang mirip dengan apa yang dilukiskan, beliau yakin bahawa para pelajar tersebut tidak memahami konsep yang diajarkan dengan baik serta sekadar 'memuntahkan' apa yang diajarkan tanpa penghadaman yang tuntas. Lantaran itu, beliau telah menguji konsep tersebut dan mencabar para pelajar yang sama untuk mencari bidang bagi rajah berikut :



Bertanggapan bahawa formula yang sama seperti apa yang telah diajarkan turut dapat diaplikasikan pada rajah di atas, para pelajar tersebut kemudiannya dikejutkan dengan hakikat bahawa formula yang sama tidak lagi relevan dalam kasus di atas. Dalam hal ini, jumlah bagi  $(x)(y)$  akan memberikan bidang yang terlalu besar. Jelas sekali, sedangkan teknik awal yang diajarkan guru tersebut berupaya untuk menghuraikan jumlah bidang bagi rajah paralelogram tertentu, teknik tersebut tidak mampu untuk menambah nilai pembelajaran murid tanpa pemahaman yang tuntas terhadap permasalahan soalan tersebut.



Bergerak dari hal tersebut, Wertheimer mula mengajarkan sekelompok murid lain untuk menyelesaikan masalah tersebut. Kali ini, beliau mengajarkan mereka kaedah mencari bidang bagi bentuk kotak yang memanjang. Kemudiannya, beliau meminta agar mereka memberikan bidang bagi bentuk paralelogram yang berasingan. Biarpun pelajar-pelajar tersebut pada mulanya terperanjat akan permintaan guru mereka, kesemua pelajar-pelajar tersebut berjaya untuk menghuraikan permasalahan tersebut mengikut teknik kreatif masing-masing.



Bergerak daripada pecahan tersebut, para pelajar Wertheimer berjaya mencari bidang bagi paralelogram yang diberikan. Dalam hal ini, berbeza dengan situasi awal tadi, kelompok pelajar kali ini benar-benar memahami permasalahan dan konsep di sebalik mencari bidang bentuk seperti yang diharapkan. Demikian halnya, para pelajar harus berupaya untuk mencari struktur dalaman bagi sesebuah soalan. Menyentuh perihal demikian, Wertheimer (1959:238) berpendapat bahawa, “bagi menjana kefahaman yang sebenar, terdapat keperluan untuk merangkakan semula setiap langkah, mencari hubungan antara struktur-struktur dalaman serta keperluan setiap struktur-struktur kecil.”

Justeru, prinsip asas teori psikologi Gestalt melakarkan bahawa persepsi seorang pelajar terbentuk atas empat prinsip utama (King dan Wertheimer, 2005:155), yakni keakraban, keseiringan, kemiripan dan kelanjutan. Bergerak daripada prinsip tersebut, penulis menyedari akan keperluan membangunkan wacana yang berupaya untuk mengendalikan proses pembelajaran para pelajar melalui persekitaran yang dikenali mereka di samping keperluan untuk melakukannya secara berterusan demi mencapai kejayaan dalam perlaksanaan.




# TPACK

TPACK, singkatan untuk pengetahuan (K), teknologi (T), pedagogi (P) dan isi pelajaran (C) merupakan model yang dibentuk Koehler dan Mishra (2002) berdasarkan kerangka PCK yang diasaskan Shulman (1987), dengan penambahan komponen teknologi. Model TPACK ini menjelaskan bagaimana pemahaman para pendidik tentang teknologi-teknologi untuk pendidikan, pengetahuan pedagogi dan isi pelajaran berhubung antara satu sama lain untuk menghasilkan pengajaran berteknologi yang berkesan.

Model yang diusulkan Koehler dan Mishra ini terbentuk daripada tiga komponen utama berlandaskan pengetahuan(K) guru: isi pelajaran (C), pedagogi (P) dan teknologi (T). Hubungan antara komponen-komponen ini pula boleh dilambangkan sebagai PCK, TCK, TPK dan TPACK. Dalam menyampaikan pengajaran berteknologi yang berkesan, para pendidik yang menggunakan kerangka TPACK sebagai panduan, digalakkan untuk mensasarkan perancangan pengajaran mereka untuk merangkumi kesemua komponen seperti dalam Rajah 1 berikut;

Rajah 1: Proses TPACK



Pembentukan TPACK menjangkau sekadar gabungan tiga komponen utama dalam kerangka ini. Pengetahuan pedagogi isi pelajaran berteknologi (*technological pedagogical content knowledge*) merupakan pemahaman yang jauh lebih mendalam berbanding pemahaman tentang setiap komponen secara individu yang bercantum. Ketiga-tiga komponen ini, mewujudkan teknik kemahiran penyampaian pengajaran yang menuntut kemahiran mengajar yang lebih tinggi. Maka pemajmukan TPACK bererti pengajaran yang berkesan menggunakan teknologi, yang memerlukan pemahaman terhadap penggunaan teknologi untuk melambangkan konsep dalam pelajaran; teknik pedagogi yang menggunakan teknologi dengan cara membangun untuk mengajar isi pelajaran dan pengetahuan terhadap apa yang membuat konsep dalam isi pelajaran sukar atau mudah untuk dipelajari dan bagaimana teknologi boleh memperbaiki kesukaran yang dihadapi pelajar.

Dalam keghairahan para pendidik mencipta pakej pengajaran menggunakan teknologi maklumat, mereka cenderung lebih tertumpu kepada kecanggihan aplikasi atau perisian yang dipilih. Hal ini terjadi lebih-lebih lagi terhadap guru-guru pelatih dan guru-guru baharu yang mahir dalam penggunaan teknologi maklumat tetapi masih mendalami ilmu pedagogi dan isi subjek. Meskipun begitu, ini tidak membuktikan bahawa guru-guru berpengalaman tidak terkecuali daripada isu pengaplikasian teknologi dalam pengajaran yang efektif. Guru-guru mapan yang sudah terbiasa dengan keberkesanan pengajaran konvensional merasakan bahawa penggunaan teknologi hanya meremehkan pengajaran, di samping menjejaskan kelancaran pengajaran apabila masalah-masalah teknikal timbul semasa pengaplikasian teknologi di bilik darjah. Maka berdasarkan isu-isu ini, TPACK digunakan sebagai panduan.

### **Gestalt-TPACK dalam pembelajaran karangan ekspositori**

Mengenal latar yang merundung persekitaran pembelajaran bagi para pelajar yang menjadi sampel kajian, pembangunan wahana pembelajaran lewat penggunaan aplikasi *Google Site* sebagai sebuah landasan bagi mendekati golongan tersebut telah dilaksanakan. Dalam hal ini, aplikasi tersebut bergerak atas premis atau talian, serta menggunakan laluan sesawang sebagai alat pengajaran dan perakam proses pembelajaran.





Berdasarkan dapatan teori Gestalt, guru harus memikirkan sebuah mekanisme bagi membolehkan pelajar untuk melanjutkan pembelajaran mereka dalam wacana yang mirip dengan realiti pembelajaran yang dilakukan secara konsisten. Lantaran itu, kemudahan penggunaan aplikasi *Google Site* menjadikannya wadah yang ideal bagi mendekati pelajar.

Perisian *Google Site* digunakan sebagai peranti pembelajaran, di mana pengkaji telah membangunkan sebuah pakej pengajaran karangan ekspositori. Wadah ini digunakan setelah mendapati bahawa *Google Site* bersifat mesra pelajar, atas dasar keakraban mereka dengan internet, dan dapat digunakan bagi menyokong strategi-strategi pembelajaran yang diperlukan.

Seiring juga dengan prinsip teori Gestalt yang menyarankan agar para pelajar menyedari dasar kemiripan dalam pembelajaran, aplikasi *Google Site* menawarkan kemudahan kepada para pengguna untuk berkongsi laman *Google* mereka dengan pengguna-pengguna tertentu. Perkongsian tersebut kemudiannya membolehkan kolaborasi antara para pelajar dan guru di pelbagai tahap. Pemilihan aplikasi ini sebagai wadah utama turut bersesuaian dengan strategi pembelajaran menepati komponen ilmu teknologi dan pedagogi dalam TPACK.

## KAEDAH KAJIAN

Dalam hal ini, pengajaran telah dijalankan mengikut fasa-fasa yang berbeza, yakni dalam 1) perancangan, 2) pendedahan kepada ilmu penulisan, 3) pembinaan isi utama dalam wacana penulisan dan 4) pembinaan penutup yang baik dan 5) penulisan karangan ekspositori.

Kertas kajian ini dilakukan secara kualitatif, yakni menggunakan kaedah kajian kepustakaan serta penerapan teori psikologi Gestalt dan TPACK untuk mencari huraian bagi mendekati golongan pelajar sasaran. Sesuai pula dengan permasalahan yang mendasari kajian yang dijalankan, pengkaji telah membangunkan sebuah sistem bagi membantu para pelajar mengatasi kelemahan dalam kemahiran penulisan. Sistem yang dibangunkan melalui penggunaan *Google Site* sebagai peranti utama bagi mengendalikan pengajaran karangan ekspositori selama sepuluh minggu.



## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Para pelajar diperhatikan menjadi lebih berkeyakinan untuk meluahkan gagasan dan pendapat mereka menerusi *Google Site*. Selain itu juga, selaras dengan teori psikologi Gestalt, penggunaan *Google Site* membantu para pelajar untuk memeta dan memetakkan pembelajaran mereka mengikut peringkat-peringkat tertentu. Proses tersebut membolehkan para pelajar untuk melihat struktur dalaman bagi menghasilkan sebuah karya penulisan.

Selari dengan dapatan Wertheimer dalam kajian asalnya, biarpun proses yang dibentangkan tidak semestinya memberikan kesan serta-merta terhadap penulisan para pelajar, kualiti karya-karya yang dihasilkan menjadi lebih baik. Lebih ketara lagi, pemilihan isi-isi serta pembinaan dan pengolahan hujah-hujah untuk dibentangkan menjadi lebih meyakinkan dan bernas.

*Google Site* menyediakan pelantar bagi para pelajar untuk sentiasa kembali ke laman tersebut untuk dijadikan sebagai sumber rujukan. Para pelajar juga terdedah kepada aneka jenis ragam penulisan bagi topik yang sama. Jelas sekali, hal tersebut sukar dilakukan tatkala berteraskan pembelajaran karangan ekspositori secara tradisional.

## KESIMPULAN

Kaedah Kajian Tindakan yang dilakukan secara serentak, telah mengupayakan pengkaji untuk membangunkan sistem yang lebih kukuh bagi tujuan pengajaran karangan ekspositori di peringkat menengah rendah. Lebih penting lagi, model yang diguna pakai oleh pengkaji jelas menunjukkan bahawa pendidikan merupakan sebuah latihan mental bagi membangunkan fakulti pemikiran kritis dalam diri para pelajar.

Biarpun model psikologi Gestalt tidak berupaya untuk melahirkan sebarang keluarbiasaan yang ketara bagi markah dari hasil karya para pelajar, model tersebut menyedarkan pengkaji akan kepentingan menzahirkan struktur dalaman yang lazimnya terlindung daripada pengetahuan para pelajar. Para pelajar membangun untuk menjadi individu yang mempunyai proses



mental yang lebih tajam, selari dengan seruan Kementerian Pendidikan untuk ‘memperkokuk kemahiran dan keterampilan berbahasa para pelajar’.

## RUJUKAN

Koehler, M.J. & Mishra, P. (2009). What is technological pedagogical content knowledge. *Contemporary Issues in Technology and Teacher Education*, 9(1). Retrieved from <http://www.citejournal.org/vol9/iss1/general/article1.cfm>.

Koffka, K. (2013). *Principles of Gestalt Psychology*. London: Taylor & Francis Ltd.

Koehler, W. (1929). *Gestalt Psychology*. New York: Liveright.

\_\_\_\_\_. (1959). *Gestalt Psychology : An introduction to new concepts in modern psychology*. New York, NY : New American Library.

King, D.B., & Wertheimer, Michael. (2005). *Max Wertheimer & Gestalt theory*. New Brunswick : Transaction Publishers.

Ogden, R. M. (1930). The Gestalt psychology of learning. *Journal of genetic psychology*, 38, 280-287.

Wertheimer, Max. (1959). *Productive Thinking*. New York, NY : Harper Brothers.

